

05/05/2001

Kedutaan Malaysia perlu kerap temui pelajar

KIRA-KIRA sebulan lalu, seorang lulusan sebuah universiti di Jordan yang pernah terbabit dengan gerakan Pas mempengaruhi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di luar negara, khususnya di Asia Barat, membuat pengakuan bahawa sebahagian besar daripada mereka ditanam dengan pemikiran bahawa Umno itu kafir. Graduan itu mengakui pelajar Malaysia yang baru mendaftar di universiti itu dipengaruhi dengan pelbagai dakyah oleh Pas supaya tidak menyokong kerajaan sesudah kembali ke tanah air. Ia cumalah antara contoh dakyah parti pembangkang, dengan kunjungan kerap pemimpinnya untuk menemui dan mempengaruhi pelajar Malaysia di luar negara, terutama di Timur Tengah, Britain dan Amerika Syarikat, bukan lagi menjadi rahsia. Tujuan mereka tidak lain daripada mengeksploitasi kedudukan pelajar yang naif mengenai sesuatu isu semasa dengan memutarbelitkan fakta sebenar selain menanamkan kebencian terhadap kerajaan.

Berlawanan dengan kekerapan kunjungan pemimpin pembangkang, tidak banyak ikhtiar di pihak kerajaan untuk memperjelaskan keadaan kecuali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang bergilir mengadakan pertemuan dengan pelajar dalam rangka lawatan rasmi mereka ke luar negara. Kita percaya bukan keseluruhan pelajar yang menghadiri pertemuan dianjurkan pembangkang mudah terpengaruh dengan segala yang digembar-gemburkan. Namun, kurangnya kesempatan untuk mereka bersoal jawab mengenai dasar kerajaan lambat-laun boleh menghakis keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap perkara sebenar. Lazimnya pelajar kita di luar negara bukanlah jenis yang mengharap untuk dipujuk dan dibelai, tetapi sesekali perlu juga dijenguk sebagai menunjukkan perhatian berat tetap diberikan kepada mereka.

Tugas berkenaan tidak mungkin dapat dilakukan oleh Perdana Menteri bersendirian. Kerana itu, adalah bertepatan dengan saranan Dr Mahathir kelmarin bahawa semua duta dan wakil Malaysia di luar negara hendaklah lebih kerap mendekati pelajar serta menjelaskan dasar sebenar kerajaan supaya mereka tidak lagi mempunyai tanggapan yang salah. Sebagai golongan yang dididik untuk berfikir dalam membezakan perkara yang betul dan salah, pelajar tentunya memerlukan penjelasan berhubung sesuatu dasar daripada hanya mempercayai sesuatu hasutan. Duta, pesuruhjaya tinggi, konsulat dan kuasausaha Malaysia di lebih 80 negara tidak harus menganggapnya remeh dalam memastikan pelajar mendapat perspektif yang tepat.

Memang mudah untuk menyalahkan pelajar di luar negara kerana tidak menghayati konsep berterima kasih atas kenikmatan yang mereka kecapi. Juga mudah untuk menyalahkan pelajar kerana mudah terpengaruh dengan dakyah pembangkang sehingga sanggup menentang kerajaan apabila pulang ke tanah air. Dalam pada itu, duta, pesuruhjaya tinggi, konsulat dan kuasausaha Malaysia di luar negara harus bertanya kepada diri sendiri apakah mereka sudah melakukan secukupnya dalam memastikan pelajar mendapat penerangan sejelas-jelasnya mengenai sesuatu perkara. Tanggapan selama ini bahawa apa juga perkara membabitkan pelajar Malaysia di luar negara adalah dalam bidang kuasa Jabatan Hal Ehwal Pelajar perlu diperbetulkan. Malah, kedua-dua pihak berkenaan yang harus mendahului penerangan mengenai sesuatu dasar sebelum kedatangan pemimpin pembangkang untuk menabur fitnah dan pembohongan.

(END)